



Wan Suraya bergambar bersama panel selepas berucap dalam Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UPM 2019 di Dewan Besar, UPM, Serdang. FOTO:ZAHID IZZAN



Wan Suraya melawat booth di dalam Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UPM 2019 di Dewan Besar, UPM, Serdang. FOTO:ZAHID IZZAN

Lebih 17,000 peserta daftar PROTÉGÉ

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

SERDANG

Serdang - Lebih 17,000 pelajar dari 11 universiti telah mendaftar untuk Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) sejak ia dilancarkan Januari lalu.

Ketua Sekretariat PROTÉGÉ, Norashikin Ismail berkata, pihaknya menyasarkan lebih banyak pendaftaran melalui kaedah turun padang dan penerangan di tiga lagi universiti.

Menurutnya, program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) itu menawarkan latihan keusahawanan dan kebolehpasaran khususnya kepada pelajar lepasan sekolah dan graduan universiti untuk meningkatkan kemahiran dan pengalaman.

"Masih ramai anak muda tidak tahu kerajaan menyediakan pelbagai insentif untuk membantu mereka bergelar usahawan. Jadi, mereka perlu rebut peluang yang ditawarkan."

"Kebanyakan kursus yang ditawarkan adalah secara percuma

ma atau hanya dengan bayaran minimum. Kita turut mendapat kerjasama semua agensi di bawah MED untuk memupuk peserta dengan kemahiran keusahawanan," katanya kepada media di Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha MED, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan UPM, Prof Madya Dr Mass Hareeza Ali.

Menurut beliau, lebih 600 syarikat terlibat untuk menyediakan latihan kerjaya kepada peserta dalam salah satu program ditawarkan.

"Peserta akan ditempatkan di syarikat tersebut sehingga maksimum 12 bulan dengan elaun RM2,000," katanya.

Sementara itu, Wan Suraya berkata, PROTÉGÉ merupakan program yang relevan untuk memberi pilihan keusahawanan kepada pelajar dan anak muda.

"Bidang keusahawanan ini bukan asing kepada pelajar, malah ada yang sudah memiliki produk sendiri, cuma kita perlu beri



bimbingan dan latihan keusahawanan agar mereka boleh berkembang.

"Ia juga selari dengan sasaran kita di bawah Dasar Keusahawanan Negara yang akan dilancarkan pertengahan tahun ini. Di mana kita mahu melahirkan dan melatih lebih ramai lagi usahawan baru yang betul-betul komited," katanya.

Mass Hareeza pula berkata, UPM menyambut baik kolaboratif dengan PROTÉGÉ kerana mampu menambahkan kebolehpasaran graduannya khususnya dalam bidang keusahawanan.

PROTÉGÉ dijenamakan semula daripada program Skim Latihan IMalaysia (SLIM) dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan dan pencari kerja.

PROTÉGÉ kini giat menjalankan program Reach Out and Awareness bagi memperkenalkan inisiatif latihan yang dianjurkan di bawah Kementerian itu kepada graduan dan orang awam.

Bidang keusahawanan ini bukan asing kepada pelajar, malah ada yang sudah memiliki produk sendiri, cuma kita perlu beri bimbingan dan latihan keusahawanan agar mereka boleh berkembang. - Wan Suraya

Lebih yakin, ada arah tuju

Sementara itu, Ikon Usahawan UPM, Noorazeaty Maulad Mohd Khalif, 25, menyambut baik program PROTÉGÉ untuk membimbing mahasiswa yang berminat dalam bidang keusahawanan.

"Sebelum ini kami dapat sokongan universiti, tetapi lepas tamat belajar bagaimana pula? Jadi program PROTÉGÉ amat efektif dan membantu kami pergi lebih jauh."

"Bantuan ini bukannya untuk membuatkan kami menjadi manja. Tetapi dengan sokongan daripada kementerian kami lebih yakin dan tahu hala tuju perniagaan yang dijalankan," katanya.

Noorazeaty yang merupakan mahasiswa tahun akhir Fakulti Ekologi Manusia memiliki perniagaan coklat sendiri sejak di tahun dua pengajian.

Produk Delish Chocolate miliknya berjaya menembusi pasaran di Langkawi dan kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Serdang.



Noorazeaty menunjukkan produk Delish Chocolate yang diusahakannya.

Masih ramai anak muda tidak tahu kerajaan menyediakan pelbagai insentif untuk membantu mereka bergelar usahawan. Jadi, mereka perlu rebut peluang yang ditawarkan. - Norashikin